



Buletin

BHEUU

JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGIAN HAL EHWAL
UNDANG-UNDANG

KESERONOKAN DI TEMPAT KERJA

*Petua Seronok Bekerja
Tips Menangani Stress*

ISMAIL

07 Hak-Hak Anda Sebelum Perbicaraan

10 Program Bersama Media

14 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011

17 Aktiviti KSK BHEUU



Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum W.B.T dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah kerana dengan izinnya dapat kita bersua kembali pada edisi Buletin Bil.1/2012. Edisi kali ini akan membawa kesinambungan berita warga BHEUU, Mdl dan JBG bagi tempoh Januari hingga Jun 2012.

Edisi kali ini juga mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Saripuddin Kasim sebagai Ketua Pengarah BHEUU (10 September 2009 – 26 Disember 2012) yang telah banyak menyumbang kepada kejayaan jabatan dan sekalung tahniah di atas kenaikan pangkat untuk menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepengunaan sebagai Ketua Setiausaha.


Tahniah dan Selamat Datang juga diucapkan kepada YBhg. Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim yang dilantik sebagai Ketua Pengarah BHEUU. Bagi meneruskan dan merealisasikan transformasi perkhidmatan awam, YBhg. Dato' Ketua Pengarah turut memberi perhatian kepada "Keseronokan Bekerja" dalam kalangan warga kerja kerana ini merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada pencapaian matlamat tersebut. Diharap dengan kepimpinan YBhg. Dato' Ketua Pengarah ini, seluruh warga BHEUU, Mdl dan JBG akan lebih produktif dan inovatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.



Haji Adnan bin Ibon
KETUA EDITOR

Kandungan

Petua Seronok Bekerja	04
Tips Menangani Stress	05
Hak-Hak Anda Sebelum Perbicaraan	07
Galeri Foto	09
APC 2011	14
Perhimpunan Bulanan Jan-Jun	16
Aktiviti KSK BHEUU	17
Aktiviti PUSPANITA	18
Apa Kata Kami	19





Ketua Pengarah BHEUU

Assalamualaikum WBT, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan pertemuan dengan semua warga BHEUU, Mdl dan JBG melalui penerbitan dan pembacaan Buletin pertama bagi tahun 2012.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga BHEUU, Mdl dan JBG yang sudi meluangkan masa dan memberi sokongan bagi menyempurnakan buletin kali ini yang bertemakan "Keseronokan Bekerja".

Pemilihan tema ini amatlah bersesuaian kerana dalam usaha untuk merealisasikan transformasi

perkhidmatan awam, faktor ini dilihat turut menjadi penyumbang kepada pencapaian matlamat tersebut. Ungkapan keseronokan bekerja dapat diertikan sebagai perihal perasaan yang menyenangkan dan menyedapkan hati apabila melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab yang diberikan. Perasaan seperti ini akan membantu dalam menghasilkan tugas dan perkhidmatan yang berkualiti serta mempertingkatkan daya kreativiti warga kerja.

Marilah kita sama-sama renungkan tips mewujudkan keseronokan bekerja yang dipaparkan dalam buletin kali ini dan jadikan ia sebagai panduan untuk menjadi warga kerja yang produktif, kreatif dan inovatif.

Dato' Haji Ismail bin Ibrahim
KETUA PENGARAH
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Sidang Redaksi Buletin

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
BIL 1/2012

PENASIHAT :

YBhg. Dato' Hj Ismail bin Ibrahim

KETUA EDITOR :

Tuan Haji Adnan bin Ibon

SIDANG PENGARANG :

Puan Mahani Hj. Mohd. Yusoff
Encik Zakaria Ismail
Cik Lau Yin Theng
Cik Salehah Abu Nor
Puan Shamsiah Chee Ros
Puan Naziah Mohamed

JURUFOTO :

Encik Amir Shah Hj Abu Adam

EDARAN :

Puan Rohanzal Maal
Puan Nabawiyah Zainol

PEMBANTU PENERBITAN :

Puan Isnaniwati Imran
Puan Intan Azwani Ahamad
Encik Sheikh Farhan Ahmad

1 Releks, jangan terlalu serius - namun tidak bermakna anda kurang komited terhadap kerja. Anda akan lebih relaks sekiranya anda merancang kerja anda dengan baik.

2 Menyukai pekerjaan anda

PETUA SERONOK BEKERJA

Jujur pada diri sendiri, berapa ramai antara kita yang seronok di tempat kerja sekarang? atau.. merasa nak mencari tempat kerja yang lain? Tips di bawah mungkin dapat membantu anda:

Dr Fadzilah Kamsah memberi **5 sebab mengapa orang tak ceria di tempat kerja**, antaranya :

Mereka tak nampak perlunya keceriaan dan keseronokan di tempat kerja, hanya kerja, kerja dan buat kerja!

Kebanyakan orang jarang berdoa untuk menjadi seronok di tempat kerja

Mood yang bertukar-tukar, tak terkawal dan asyik dilanda 'bad mood'. Kita kena kawal mood, supaya keceriaan dan keseronokan bekerja sentiasa ada.

Suasana kerja yang memboringkan, masalah-masalah peribadi terbawa ke tempat kerja sehingga tenggelamnya rasa seronok bekerja.

Kurang sihat, fizikal dan mental.

3 Kerja selesai - usah bertangguh. Kurangkan berborak kerana anda dibayar gaji untuk bekerja bukan berbual kosong atau bergosip. Kalau nak berbual pun boleh tapi kerja kena siap on time dan kualiti terbaik.

4 Sentiasa bersyukur dan positif - bayangkan anda bekerja dalam keadaan negara yang sentiasa kacau bilau oleh peperangan atau bencan alam. Atau anda masih seperti mereka yang menunggu panggilan daripada SPA. Anda patut bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang tetap dan hidup dalam negara yang aman damai.

5 Bina hubungan baik dengan rakan sekerja - kalau anda perlu bantuan, rakan-rakan sepejabat tentu tidak berkira nanti.

6 Aktif dengan aktiviti riadah

Bergiat aktiflah dengan kegiatan kelab di jabatan. Melalui kegiatan kelab (KSK dan PUSPANITA misalnya) bukan sahaja anda berseronok malah berpeluang mengenali rakan baru yang selama ini hanya anda kenal melalui telefon.

**APA TUNGGU LAGI
MARILAH KITA BERSERONOK,
JADIKAN KERJA KITA PUN
SERONOK.**

TIPS MENANGANI STRESS

1 Bertenang dan lemparkan senyuman



Apabila anda terasa stress dan anda rasa mood bekerja semakin turun.. Tak kira lah anda baru sahaja bergaduh dengan pasangan atau dimarahi boss, apa kata anda bertenang, tarik nafas dalam-dalam dan hembuskannya secara perlahan-lahan. Kemudian cuba senyum. Janganlah serabutkan lagi keadaan yang sedia ada. Elakkan membuat sebarang keputusan dalam keadaan tertekan. Ini kerana keputusan itu mungkin bersandarkan pada emosi anda semata-mata. Bukan itu sahaja malahan jika tiada perincian yang dibuat dalam keputusan tersebut takut sebarang kemudaratan akan berlaku nanti. Bila kita senyum, pasti sedikit tekanan akan reda.. Cubalah sekarang. Senyum.

3 Bersendirian



Ada sesetengah orang suka menyendiri.. memencil diri untuk mencari ketenangan seketika. Janganlah bebankan fikiran dengan semua perkara yang ada disekeliling anda setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Kita hidup didunia ini hanya untuk sekali sahaja jadi, nikmatilah hari ini dengan seadanya.Oleh itu rancanglah cuti anda agar anda boleh bersendirian seketika walaupun hanya dalam rumah sendiri.

Stress boleh membantu kan keseronokan anda bekerja. Stress yang tidak ditangani dengan baik bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan diri malah mood untuk bekerja akan hilang apatah lagi untuk seronok bekerja. Walaupun stress tidak dapat dihilangkan tetapi di sini beberapa tips boleh diamalkan untuk meredakan atau menangani stress anda. Selamat mencuba..

2 Menangis sepuas hati



Sesetengah individu menyimpan perasaan tidak puas hati hanya dalam hati. Kadang kala sikap ini boleh membuat diri mereka merana. Oleh itu, tidak salah meluahkan perasaan bagi meredakan tekanan yang dihadapi. Meluahkan perasaan boleh dilakukan dengan banyak cara. Kadang kala mengadu kepada rakan yang paling rapat atau menulis pada sekeping kertas mungkin tidak sesuai kerana apa yang kita luahkan mungkin akan tersebar ke pihak lain dan menimbulkan ketidakselesaan kepada kita kelak. Oleh itu, menangis sepuas hati mungkin boleh diperaktikkan. Tapi janganlah pula menangis melalak di pejabat..nanti rakan sepejabat fikir anda dah tak betul pula.

4 Berbuat baiklah sesama insan



Jadilah insan yang berhati luhur dan pemaaf. Bunyi memang senang tapi bila kita hendak melakukannya mungkin agak sukar. Tapi itulah yang harus anda lakukan. Berlapang dada dan sekaligus stress anda akan berkurangan. Ucapkanlah saya memohon dan memberi kemaafan kepada rakan sekerja yang mungkin pernah menyakitkan hati anda, pasti anda lebih seronok bekerja nanti.

6 Kasih sayang



Kasih sayang yang luhur penyembuh segala kerunsingan hati. Tidak kira anda menerima atau memberi kasih sayang kedua-duanya merupakan terapi yang mampu meredakan tekanan yang anda hadapi. Oleh itu berilah perhatian dan kasih sayang anda seikhlasnya insan-insan kesayangan anda bukan sahaja kerana mereka layak tetapi juga kerana ia akan merapatkan lagi hubungan anda. Selain itu, hidup anda akan lebih bermakna dan bersemangat.

5 Wangian atau muzik

Bagi yang suka pada aroma terapi minyak lavender amat sesuai sekali untuk meredakan tahap stress anda. Ini kerana minyak lavender dikenali sebagai herba penenang yang boleh mengurangkan atau meredakan stress anda. Jadi tunggu apa lagi.. laburkan sedikit wang untuk wangian dan letak di ruang kerja anda. Paling tidak pun dengarlah lagu kegemaran anda.



7 Memohonlah kepadaNYA

Ikutilah perintah dan suruhanNYA, tinggalkanlah perkara yang dilarangNYA. Hayatiyah setiap bait-bait ayat dariNYA nescaya anda tidak akan rugi walau sesaat. Sesungguhnya disaat anda dalam keadaan sangat memerlukan dan anda perlu seseorang untuk meluah rasa hati.. mohonlah kepadaNYA agar anda sentiasa seronok semasa bekerja selagi tidak bertentangan dengan syariat agama. Mengadulah kepadaNYA ...Sesungguhnya DIA MAHA MENDENGAR lagi MAHA MENGETAHUI. Walaupun mungkin penyelesaian tidak datang ketika itu juga namun hasilnya pastinya mampu menenangkan gelodak hati anda. Yakinlah..



TAHUKAH ANDA?

HAK-HAK ANDA SEBELUM PERBICARAAN

A. APABILA DITANGKAP

Apakah hak-hak anda semasa ditangkap?

Anda berhak untuk -

(a) mendapat tahu apakah sebab-sebab atau alasan-alasan anda ditangkap;

(b) tidak memberikan apa-apa kenyataan melainkan memberi nama, nombor kad pengenalan dan alamat anda;

(c) dilepaskan tanpa lengah kecuali apabila anda dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa 24 jam dan Majistret itu membuat perintah supaya anda ditahan selanjutnya;

(d) diwakili oleh seorang peguam apabila anda dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa 24 jam;

(e) memberitahu Majistret tentang cara anda dilayani oleh agensi penguatkuasaan (polis, kastam, imigresen dan sebagainya), keadaan bilik tahanan anda, keadaan kesihatan anda dan perkara-perkara berkaitan yang lain;

(f) dilayani dengan adil;

(g) mendapat suatu senarai benda yang dirampas semasa penggeledahan, sekiranya penggeledahan dibuat semasa tangkapan.

B. SEMASA PENYIASATAN

Apakah hak-hak anda semasa penyiasatan?

Anda mempunyai hak yang berikut:

(a) anda boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkan anda kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau rampasan;

(b) apa-apa pernyataan dalam penyiasatan yang diberikan oleh anda kepada pegawai penyiasat perlu dibaca balik kepada anda dalam bahasa yang anda fahami. Anda boleh membuat apa-apa pembetulan atau perubahan yang dikehendaki terhadap pernyataan tersebut sebelum anda menandatangani atau menurunkan cap jari;

(c) anda boleh enggan untuk memberi pernyataan beramaran kepada pegawai penyiasat. Pernyataan beramaran ini boleh digunakan terhadap anda semasa perbicaraan di mahkamah nanti. Amaran yang biasa diberikan sebelum pernyataan diambil ialah –

**"ADALAH MENJADI KEWAJIPAN
SAYA MEMBERI AMARAN KEPADA
KAMU BAHAWA KAMU TIDAK
DIWAJIBKAN BERKATA APA-APA
JUA ATAU MENJAWAB APA-APA
SOALAN, TETAPI APA-APA JUA
YANG KAMU KATAKAN, SAMA
ADA SEBAGAI MENJAWAB SOALAN
ATAU TIDAK BOLEH DIBERI SEBAGAI
KETERANGAN";**

(d) anda berhak menggunakan bahasa yang anda sukai semasa memberi apa-apa pernyataan kepada polis. Jika pegawai penyiasat tidak dapat bercakap dalam bahasa yang anda sukai, jurubahasa perlu diadakan;

(e) sekiranya terdapat apa-apa dorongan, ugutan atau janji oleh pegawai penyiasat supaya anda membuat pengakuan bersalah melakukan sesuatu kesalahan, anda berhak membuat suatu laporan polis atau memberitahu Majistret apabila berpeluang berbuat demikian. Misalnya anda dijanjikan akan dikenakan tuduhan yang ringan sekiranya mengaku bersalah, keluarga akan selamat dan sebagainya;

(f) anda juga tidak boleh dipaksa untuk menunjukkan apa-apa barang kes seperti dadah, senjata dan bukti lain yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan tanpa kerelaan anda;

(g) anda boleh memberitahu Majistret semasa anda dibawa ke hadapannya tentang layanan yang tidak adil semasa anda disiasat.

C. HAK MENDAPAT JAMINAN

Sekiranya anda dipertuduh di mahkamah, adakah anda berhak untuk mendapat jaminan?

Terdapat dua jenis kesalahan –

- (a) kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati atau pemerlaraan seumur hidup;
- (b) kesalahan yang lain daripada itu.

Bagi kesalahan jenis (a), orang yang dipertuduh tidak boleh dilepaskan dengan jaminan. Walau bagaimanapun, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membebaskan dengan jaminan, iaitu kanak-kanak, wanita atau orang yang sakit atau lumpuh anggota.

Bagi kesalahan jenis (b), mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk membebaskan orang kena tuduh atas jaminan atau tidak.

Apakah dokumen yang anda berhak mendapatkannya?

Anda berhak mendapat –

- (a) salinan laporan maklumat pertama daripada pihak polis;
- (b) salinan pernyataan beramaran yang telah anda berikan kepada pihak polis atau agensi penyiasat lain;
- (c) salinan kertas pertuduhan sekiranya anda telah dipertuduh di mahkamah.
- (d) Bayaran tertentu akan dikenakan.

Apakah perkara yang diambil kira oleh mahkamah semasa menimbangkan permohonan jaminan?

Antara perkara yang diambil kira ialah –

- (a) hal keadaan dan berat kesalahan berkenaan;
- (b) keterangan yang ada yang menyokong pertuduhan;
- (c) sama ada wujud atau tidak wujud alasan munasabah untuk mempercayai orang yang dituduh itu bersalah;
- (d) berat hukuman yang boleh dikenakan andainya disabitkan kesalahan;
- (e) kepastian orang yang dituduh tidak akan menghilangkan diri atau menghalang perjalanan tugas pendakwaan;
- (f) bahaya kesalahan yang sama mungkin diteruskan atau diulangi oleh orang yang dituduh;
- (g) kemungkinan orang yang dituduh, jika dibebaskan akan membuat kacau atau mengganggu pihak pendakwaan;

(h) kemungkinan orang yang dituduh akan membuat keterangan palsu bagi menyokong pembelaannya;

(i) peluang orang yang dituduh untuk menyediakan pembelaan dirinya;

(j) tempoh tahanan yang berpanjangan.

Apakah prinsip undang-undang pertama yang perlu anda ketahui?

Antara prinsip undang-undang utama yang perlu diketahui ialah –

- (a) undang-undang menganggap anda tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya di mahkamah;
- (b) beban untuk membuktikan bahawa anda telah melakukan kesalahan adalah terletak pada pihak pendakwa;
- (c) pertuduhan yang dihadapkan terhadap anda hendaklah dibuat dengan tepat dan jelas bagi membolehkan anda mengetahui dengan pasti apakah kesalahan yang dipertuduh itu dan boleh membuat persediaan untuk menjawab dan membela diri dengan cara yang terbaik;
- (d) anda berhak untuk dibela oleh seorang peguam pilihan anda.



Untuk keterangan lanjut hubungi mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat JBG di:

IBU PEJABAT BANTUAN GUAMAN

**Aras 1, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Putrajaya**
Tel : 03 8885 1000
Faks : 03 8885 1829/1830/1831
SMS : taip JBG Menu dan Hantar ke 15888

Catatan : maklumat yang dinyatakan di atas merupakan penerangan ringkas untuk pengetahuan orang ramai sahaja. Ia bukan naishat undang-undang yang lengkap dan terperinci

18 Januari 2012

- Lawatan tapak oleh YBhg. Dato' Hajji Ismail Bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU, JPM ke projek bangunan tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor ~



- Pengiktirafan ISO 9001 : 2008 Skop Pensijilan Pengurusan Pendafaran Pemerbadanan Pemegang Amanah serta Perkhidmatan Sokongan.



25 Januari 2012

- Lawatan tapak oleh YBhg. Dato' Hajji Ismail Bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU, JPM ke projek bangunan tambahan Mahkamah Baru Klang, Selangor ~



PROGRAM BERSAMA Januari - Jun 2012 MEDIA



Daftar RM2 hak terbe

Jabatan Bantuan Guaman bantu dalam bidang sivil, sejajar dengan kesan kos paling murah

Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, bantuan itu terhad kepada mereka kurang berkemampuan sahaja mempunyai pendapatan kurang dari RM30,000 setahun.

“La bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya dan mendapat hak sama rata di sini undang-undang sebagaimana termaktub dalam Fasa (1) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan,” katanya, di sini, semalam.

Mohamed Nazri berkata, perlusas bidang kuasa civil JBG di Sabah dan Sarawak pula membabitkan prosiding berhubung permohonan nafkah anak angkat dan pentadbir harta pusaka supaya

kuasa Jabatan Bantuan Guaman diperluas

kuasa JBG diperluas adalah pada 1982, justeru perubahan yang dilaksanakan sekarang sememangnya wajar selaras perkembangan semasa dan kehendak masyarakat.

Bagaimanapun, beliau berkata, perluasannya boleh berlaku segera mengikut kira kemampuan sumber manusia di JBG bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang tinggi dapat dikekalkan.

wasiat yang juga merupakan kes berkaitan dengan kes kekeluargaan.

“Pelusas bidang kuasa civil di Sabah dan Sarawak pula berhubung dengan permohonan nafkah, pengangkutan (anak) dan pentadbiran harta pusaka yang selama ini hanya terdapat di Semenanjung sahaja,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Perhimpunan

kes kekeluargaan civil dan syariah yang melibatkan kes nafkah, jagaan, perceraian dan harta sepencarian/aset perkahwinan.

Selain itu, beliau menambah, JBG juga boleh mengendalikan kes pengangkutan anak, pampasan pekerja, penanaman padi, harta pusaka kecil, kemalangan jalan raya, pemberi pinjam wang, sewaan, serta beli probet dan surat mendabir pusaka dan surat nenggal-

tusan Mahkamah Tinggi yang melepaskan dan membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tuduhan melati Mohd. Saiful Bukhari Azlan, 9 Januari lalu.

Katanya, di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah menjadikan Peguam Negara sama ada untuk mendakwa atau tidak, merayu atau tidak.

“Kedua puluh bagi saya sama ada Peguam Negara merayu atau tidak


22 Februari 2012

- Toklimat Inisiatif Teknologi Hijau Bersama Wakil Korea dan JRM



20 & 21 Februari 2012

- Majlis Penyerahan Projek Konsolidasi Rangkaian Setempat (LAN) Mahkamah Semenanjung Malaysia
- Lawatan Kerja YBhg. Dato' Haji Ismail Bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU ke JBG Cawangan Kuantan, Mdl Cawangan Kuantan Dan Projek Kompleks Mahkamah Baru Kuantan



16, 18, & 20 Mac 2012

- Sesi taklimat Jabatan Insolvensi bersama LHDN cawangan Muar

- Perlumpaan Ahli-Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) BHEUU
- Lawatan Kerja YBhg. Dato' Haji Ismail bin Ibrahim, Ketua Pengarah BHEUU ke Mahkamah Kuala Krai
- Majlis Penyerahan Projek NKRA-CRT Fasa 1



29 Mac 2012

- Sesi taklimat Jabatan Insolvensi bersama LHDN cawangan Muar





23 & 28 April 2012

- Consultative Meeting bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Sandakan.
- Hari Kenali Mdl di Seri Kembangan Giant Hypermarket.

17 April 2012

- Forum 4U & Me : Computer Crimes Act 1997 Revisited

Buletin BHEUU 2012

Jabatan Perdana Menteri

13





25 April 2012

Majlis Jasamu Dikenang & Penyampaian Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2011

3 Mei 2012

- Majlis Penyerahan Projek E-Kehakiman di Ipoh Perak



25 & 26 Mei 2012

- Seminar Pelan Hak Asasi Manusia Kebangsaan di IDFR



YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI
TAN SRI ABDUL AZIZ

PERHIMPUNAN BULANAN BHEUU JANUARI-JUN 2012



Suasana sepanjang perhimpunan bulanan Januari – Jun 2012

21 Jun 2012

- Mesyuarat Agung KSK BHEUU ke-24



JAN-JUN 2012 www.bheuu.gov.my


5 Februari 2012

- Sambutan Maulidur Rasul 1433H



28 Januari 2012

- Kejohanan Ping Pong Anjuran Kelab Perdana



Puan Aryati binti Ismail



Puan Sukhairah binti Hj. Abdul Latiff



Aktiviti PUSPANITA

- 13/04/2012 Kelas Memasak Muffin Kismis Vanila Puspanita BHEUU
- 06/04/2012 Lawatan sambil belajar ke Kedai 1Malaysia/kiosk Puspanita KPDNKK Putrajaya-Biro Keusahawanan
- 06/04/2012 Bacaan Yasin dan doa selamat untuk Puan Hafsa-Biro Kebajikan, Agama dan Keahlian
- 09/03/2012 Mesyuarat Agung PUSPANITA BHEUU Kali ke-2

APA KATA KAMI

Buletin BHEUU 2012
Jabatan Perdana Menteri

19



"Seronok bekerja,
tak sedar masa pantas
betul. Sedar-sedar dah
waktu balik"

MOHD NAZRI BIN NORDIN
(BHEUU)



"Kerja itu target. Kalau
dah capai target barulah
seronok sangat."

ZURAIDAH BINTI ABDUL RAHMAN
(BHEUU)



"Kerja tak stress,
bos pun peramah. Hati jadi
seronok nak bekerja."

NABAWIYAH BINTI ZAINOL
(BHEUU)



"Lagi seronok bekerja
bilang badan sihat. Kalau
sakit, duduk rumah rasa
sunyi pula."

MOHD HARRIS BIN AHMAD
(Mdl)



"Berkongsi idea dengan
rakan-rakan pun jadi rasa
seronok untuk bekerja."

SITI ZUHAINIZA BINTI HEDZIR
(BHEUU)



"Kalau dah suka
dengan kerja, buat
berulang kali pun tak
rasa bosan."

NUR IZZATI BINTI ABDULLAH
(JBG)



"Walaupun kerja
ikut shift, tapi seronok
sebab kawan-kawan
senang bagi kerjasama."

MAZURA BINTI ABU HASAN
(POLIS BANTUAN)

Menjadi KESALAHAN Merakam Kad Orang Lain



(Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981)

JAN-JUN 2012 www.bheuu.gov.my

PERTANDINGAN PENJIMATAN TENAGA **BANGUNAN** **BHEUU**

JUN - SEPTEMBER 2012



**SASARAN
PENURUNAN 10%
 PENGGUNAAN ELEKTRIK**

Penyertaan secara automatik bagi kesemua 23
Energy Accounting Centre (EAC)

PEMENANG



**School Of Art, Design, and
Media, Singapura**



Marina Barrage, Singapura

BAHAGIAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 4-8, BANGUNAN HAL EHWAU UNDANG-UNDANG,
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62692
PUTRAJAYA

TEL : 03-8885 1000
FAKS : 03-8885 1048, 8885 1051
EMAIL : webmaster@bheuu.gov.my
www.bheuu.gov.my

Diterbitkan oleh : Unit Komunikasi Korporat BHEUU

ISSN 2289-1900



9 772289 190000